

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGURUS TAMAN/LADANG**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred G41	:	P1T1	RM1473.44	-	P1T27	RM4038.64
		P2T1	RM1555.72	-	P2T27	RM4280.64
		P3T1	RM1641.63	-	P3T27	RM4543.21
Gred G44	:	P1T1	RM2593.90	-	P1T14	RM4292.74
		P2T1	RM2870.99	-	P2T14	RM4711.40
Gred G48	:	P1T1	RM3785.75	-	P1T8	RM5022.37
		P2T1	RM4160.85	-	P2T8	RM5499.11
Gred G52	:	P1T1	RM4261.28	-	P1T8	RM5497.90
		P2T1	RM4665.42	-	P2T8	RM6003.68
Gred G54	:	P1T1	RM4492.39	-	P1T8	RM5845.17
		P2T1	RM4889.27	-	P2T8	RM6379.99

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang sains semulajadi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(ii) ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang sains semulajadi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G41: P1T3); atau

(iii) ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G41: P1T4);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pengurus Taman/Ladang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengurus Taman/Ladang Gred G41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pengurus Taman/Ladang Gred G41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pengurus Taman/Ladang boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pengurus Taman/Ladang Gred G41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pengurus Taman/Ladang Gred G41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pengurus Taman/Ladang hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G44**
10. Pengurus Taman/Ladang Gred G41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengurus Taman/Ladang Gred G44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G48**

11. Pengurus Taman/Ladang Gred G44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengurus Taman/Ladang Gred G48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G52**

12. Pengurus Taman/Ladang Gred G48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengurus Taman/Ladang Gred G52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G54**

13. Pengurus Taman/Ladang Gred G52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengurus Taman/Ladang Gred G54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].